

28/04/2000

Calon MT dijangka ikrar henti kempen

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Khamis - Enam puluh tiga calon yang bertanding ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno dijangka membuat ikrar menghentikan sebarang bentuk kempen, dalam pertemuan dengan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Kuala Lumpur malam esok.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, terserah kepada mereka untuk berbuat demikian kerana sebarang keputusan ditentukan sendiri oleh calon terbabit.

Bercakap kepada pemberita di sini hari ini, Dr Mahathir berkata, beliau akan memberi penjelasan mengenai baik buruk penyalahgunaan wang dalam kempen pada pertemuan malam esok.

"Kalau dia setuju... itu keputusan calon sendiri bukan saya suruh. Saya akan bagi peluang kepada mereka dan akan jelaskan mengenai masalah salah guna wang... kenapa dia tak baik," katanya.

Beliau ditanya sama ada calon MT juga akan menandatangani pengakuan seperti yang dilakukan 15 calon Naib Presiden, Ketua Wanita serta Naib Ketua Wanita dan Pemuda sebelum ini.

Semua 15 calon terbabit membuat perakuan itu pada pertemuan dengan Dr Mahathir malam Selasa lalu.

Selain menghentikan sebarang bentuk kempen, 15 calon terbabit berjanji tidak mengamalkan politik wang dan rasuah, menghentikan apa juga gerakan kempen oleh penyokong, wakil dan ejen secara langsung atau tidak langsung, tidak akan menghubungi perwakilan atau membenarkan mereka dengan apa cara sekalipun termasuk lawatan ke rumah calon, penggunaan telefon dan faksimili.

Perdana Menteri berkata, selepas ikrar itu, kempen di kalangan calon terbabit semakin reda berbanding sebelum ini, kecuali ada sedikit golongan yang masih bergiat di Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, katanya, Umno sedang melakukan pemantauan berhubung kempen yang dilakukan calon atau ejen mereka.

Mengenai larangan mengadakan konvensyen Umno, beliau berkata ia bagi menolak kemungkinan calon berkempen ketika konvensyen diadakan.

Perdana Menteri juga menyerahkan kepada Umno negeri untuk menyediakan garis panduan kepada perwakilan dari negeri masing-masing bagi menghalang mereka daripada terbabit dalam politik wang.

"Bagi negeri ada garis panduan sendiri, tetapi dalam ucapan (ucapan dasar perhimpunan agung) saya akan tegaskan betapa penting tidak pilih calon yang guna wang untuk pengaruhi mereka," katanya.

Beliau juga berkata, Umno tidak akan menolak aduan ahli jika mereka mengemukakan maklumat tepat berhubung penggunaan wang bagi meraih sokongan perwakilan.

(END)